

UNISSA pastikan program akademik berkualiti tinggi

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin 22 Julai. - Cabaran kini semakin kompleks apabila gelombang revolusi industri 4.0 (The fourth Industrial Revolution) telah membawa perubahan besar kepada gaya hidup, persekitaran pembelajaran, penjana ekonomi dan cara kita bekerja. Suka atau tidak, sekarang atau nanti, masanya sudah tiba dan ini menuntut tindakan yang strategik perlu diambil. Oleh yang demikian, para pelajar, malah juga tenaga pengajar, selain

memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kerohanian, mestilah juga mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu kemahiran termasuk memiliki kefahaman menyeluruh mengenai teknologi dengan mesin atau komputer kerana kita sekarang berinteraksi dan perhubungan segala-galanya bergantung kepada rangkaian internet atau dikenali sebagai 'Internet of Things'. Terdahulu, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal berkata, melihat akan

perkembangan semasa dan prospek masa depan, UNISSA sentiasa memastikan program yang ditawarkan adalah relevan dengan keperluan negara dan perkembangan semasa. Justeru, UNISSA telah berusaha dari semasa ke semasa mengembangkan dan memastikan program akademiknya berkualiti tinggi dan bersifat holistik, serta berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kebolehpasaran graduannya di pasaran kerjaya yang semakin mencabar.

"Selaku mahasiswa / mahasiswi UNISSA perlu memahami serta menghayati apa yang terkandung dalam ikrar yang akan dilafazkan untuk menjadi pelajar yang cemerlang dan mampu memberikan khidmat dengan sepenuh hati serta ikhlas mencurahkan bakti kepada pembangunan dan kemajuan agama, bangsa dan negara," tegasnya pada Majlis Amanat dan Ikrar Pelajar Baharu UNISSA Sesi Pengajian 2019 / 2020 berlangsung di Dewan Auditorium UNISSA, di sini.

Dr. Haji Norarfan seterusnya menekankan lima perkara ikrar yang perlu diberikan perhatian, iaitu berusaha dengan penuh taqwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata untuk memperoleh ilmu yang bermanfaat, bukan sekadar memiliki segulung ijazah. Kemudian, menghayati diri dengan akhlak yang mulia dan beramal soleh berteraskan nilai-nilai ajaran Islam yang luhur dan menghormati serta mematuhi peraturan universiti demi mendapat keberkatan ilmu dan menjaga nama

baik UNISSA, di samping berjanji akan memberikan sumbangan bakti kepada agama, masyarakat, bangsa dan negara dengan ilmu yang diperolehi.

Kelima-lima nilai teras itu tegasnya, mestilah dihayati sebaiknya dan diamalkan oleh setiap pelajar UNISSA, di samping melahirkan keyakinan pelajar-pelajar yang mempunyai rangkaian nilai-nilai yang disebutkan tadi, pasti akan berjaya bukan sahaja di dunia malah juga di akhirat.

Sebagai sebuah universiti Islam ujarnya, kita adalah pendukung kepada konteks 'Islam' yang menjadi asas utama kepada falsafah 'Melayu Islam Beraja'. "Kita juga adalah pemangkin kepada aspirasi 'Negara Zikir' dan kita juga adalah salah sebuah institusi yang bertanggungjawab dalam menjana pembinaan ummah berlandaskan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah.

Justeru, UNISSA dengan kapasitinya sebagai sebuah gedung ilmu yang memiliki kepakaran dan kredibiliti harus menjadi tunjang kepada Wawasan 2035 bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya melalui penerapan nilai-nilai Islam secara holistik," katanya lagi.

Justeru itu, beliau mengingatkan bahawa UNISSA bukan sekadar melahirkan graduan cemerlang dalam akademik semata-mata. Malahan adalah menjadi hasrat UNISSA, melahirkan graduan yang memiliki kecemerlangan secara holistik, mempunyai keupayaan dan kemahiran yang pelbagai,



REKTOR UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.



MAHASISWA baharu UNISSA ketika membaca ikrar pelajar pada Majlis Amanat dan Ikrar Pelajar Baharu UNISSA Sesi Pengajian 2019 / 2020 yang berlangsung di Dewan Auditorium UNISSA.

memiliki kepedulian sosial yang tinggi dan memamerkan ciri kepimpinan yang berdedikasi serta bersedia untuk berdikari tanpa bergantung sepenuhnya kepada kerajaan.

Bacaan ikrar para pelajar baharu tersebut diketuai oleh Pelajar Tahun 1 Program Fiqh dan Kehakiman, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Mohd. Jasrin Fuadillah bin Mohd. Jalani.

Seramai 376 mahasiswa dan mahasiswi telah diterima untuk mengikuti pelbagai program pengajian di peringkat Lepas Ijazah, Sarjana Muda dan Diploma di UNISSA pada sesi pengajian 2019 / 2020.

Tip

KESIHATAN

KEPENTINGAN MENGAMBIL SARAPAN PAGI

SETIAP ORANG PERLU MENGAMBIL SARAPAN PAGI ATAS FAKTA-FAKTA BERIKUT >

- ▶ Penting untuk semua golongan masyarakat.
- ▶ Membekalkan tenaga yang diperlukan untuk kegiatan fizikal yang proaktif.
- ▶ Menyumbang 25 peratus dari tenaga yang diperlukan sehari.
- ▶ Untuk mengembalikan tenaga yang digunakan pada malam sebelumnya.
- ▶ Mereka yang bersarapan pagi setiap hari mempunyai risiko kegemukan yang rendah.

SARAPAN PAGI SETIAP HARI AMAT PENTING BAGI MENJAGA KESIHATAN. TETAPI MASIH RAMAI YANG MENGABAIKAN SARAPAN PAGI DENGAN ALASAN :

- ▶ Tidak lapar
- ▶ Pemilih

- ▶ Tiada masa
- ▶ Ingin menurunkan berat badan

BAGAIMANA CARA UNTUK MENYELESAIKAN ALASAN-ALASAN TERSEBUT?

Tidak lapar : ▶ Makan awal sebelum 8.30 malam pada malam sebelumnya.
▶ Mulakan dengan saiz hidangan yang kecil untuk membiasakan diri dengan sarapan.

Tiada masa : ▶ Sediakan hidangan yang cepat, mudah dan ringkas.
▶ Bangunlah lebih awal untuk menyediakan sarapan pagi atau menyediakan sarapan pada malam sebelumnya.

Sikap pemilih : ▶ Pelbagaikan jenis hidangan.

Ingin menurunkan berat badan :

- ▶ Sarapan pagi mengelakkan awda dari berasa terlalu lapar dan selalu termakan-makan.

Sumber : Kementerian Kesihatan, Maklumat lanjut sila hubungi 123